

# Integrasi Ilmu Usul Fiqh, Usuluddin Dan Mantik Dalam Karya Akidah Jawi Untuk Memahami Nas-nas Mutasyabihat: Tinjauan Terhadap Kitab Risalah Manhaj Ahli Sunnah Oleh Tuan Guru Haji Abdul Qadir Bin Wangah

## *The Integration of Usul al-Fiqh, Usul al-Din and Mantiq in Jawi Theological Writings to Understand the Mutashabihat Texts: An Overview from the Book Risalah Manhaj Ahli Sunnah by Tuan Guru Haji Abdul Qadir Bin Wangah*

Syed Salim bin Syed Shamsuddin<sup>1</sup>, Wan Mohd Fazrul Azdi bin Wan Razali<sup>2</sup>, Mohammad Aizuddin bin Abdul Aziz<sup>3</sup>, Mohd Faisal bin Mohamed<sup>4</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

<sup>2</sup>Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

<sup>3</sup>Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

<sup>4</sup>Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

### Progres Artikel

Diterima: 7 April 2019

Disemak: 23 Ogos 2019

Diterbit: 29 November 2019

### \* Perhubungan Penulis:

Syed Salim bin Syed Shamsuddin,

Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia,

71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Emel: saalimfsu@gmail.com

**Abstrak:** Artikel ini meninjau perkaitan di antara tiga cabang utama ilmu Islam iaitu usul fiqh, usuluddin dan mantik dalam membahaskan nas-nas mutasyabihat yang terdapat di dalam al-Quran dan hadis. Ilmu usul fiqh, usuluddin dan mantik mempunyai hubung kait yang jelas. Perbahasan tentang dalalat, qiyas dan istinbat hukum contohnya menjadi salah satu topik utama dalam ketiga-tiga ilmu ini yang terdapat dalam karangan-karangan para ulama silam. Ulama-ulama Melayu di Nusantara turut menggunakan pendekatan penulisan melibatkan unsur-unsur yang ada dalam ketiga-tiga ilmu tersebut dalam menulis karya-karya akidah terutama ketika menghuraikan nas-nas mutasyabihat. Salah satu karya yang terkenal ialah karya Tuan Guru Haji Abdul Qadir bin Haji Wangah yang bertajuk Risalah Manhaj Ahli Sunnah. Artikel ini melihat bagaimana penulisan karya-karya Jawi ulama Melayu dalam bidang akidah menggabungkan elemen-elemen yang terdapat dalam ilmu usul fiqh, usuluddin dan mantik untuk menghuraikan perbahasan nas-nas mutasyabihat. Tinjauan ringkas diambil dari karya Risalah Manhaj Ahli Sunnah dengan mendatangkan beberapa contoh aplikasi integrasi tiga bidang ilmu tersebut. Penulisan ini bersifat kualitatif deskriptif melibatkan kajian kepustakaan terhadap beberapa karangan para ulama silam dan semasa yang berkaitan serta kitab Risalah Manhaj Ahli Sunnah secara khusus. Penulis mendapati bahawa nas-nas al-Quran dan hadis mesti difahami mengikut konteks, kaedah dan selok-belok disiplin bahasa Arab. Teks-teks mutasyabihat tidak selalu dapat difahami menurut makna literalnya, oleh itu perlu dilihat mengikut pendekatan dan manhaj yang diambil oleh ulama Ahli Sunnah Waljamaah. Dalam mengarang karya akidah, para ulama telah mengaplikasi dan mengadaptasi perbahasan-perbahasan yang terdapat dalam ilmu mantik dan usul fiqh melalui pendekatan kontekstual terhadap pemahaman teks-teks al-Quran dan hadis. Risalah Manhaj Ahli Sunnah tidak terlepas dari mengambil pendekatan yang sama bagi menjelaskan ayat-ayat mutasyabihat agar selari dengan perjalanan Ahli Sunnah Waljamaah dan mengelakkan daripada terjebak ke dalam akidah yang menyamakan Allah SWT dengan makhluk.

**Kata kunci:** Integrasi Ilmu; Ahli Sunah Waljamaah; Turath Islami; Kitab Jawi.

**Abstract:** This paper examines the link between three main discourses in Islamic traditions, namely *usul al-fiqh* (principles of Islamic jurisprudence), *usul al-din* (Islamic theology) and *mantiq* (science of logic) in explaining the *mutashabihat* texts which are not entirely clear for many, or some people, but found in the Quran and Hadith. There are clear correlations between these sciences which are closely interrelated. The discussions about *al-dalalat* (implications of the text), *al-qiyas* (analogical deduction) and *al-istinbat* (derivation of rulings from text) for instance, have become one of the main topics in these three sciences contained in the writings of early Muslim scholars. The Malay scholars in the Malay Archipelago also used the same approach in writing their theological works, especially while discussing the *mutashabihat* texts. One of the famous works is the masterpiece of Tuan Guru Haji Abdul Qadir bin Haji Wangah entitled *Risalah Manhaj Ahli Sunnah*. This article highlights the Jawi theological works of Malay scholars which incorporates elements of *usul al-fiqh*, *usul al-din* and *mantiq* in describing the discussion of *mutashabihat* texts. A brief overview from the work of *Risalah Manhaj Ahli Sunnah* is seen from examples of application in these integrated three fields of knowledge. For this purpose, descriptive qualitative method is utilized, which involves library research on some of the related writings from traditional and contemporary scholars and particularly the book *Risalah Manhaj Ahli Sunnah* itself. The study concludes that the Quranic verses and Hadiths must be understood according to the context, method and intricacies of Arabic language discipline. In understanding the *mutashabihat*, these texts must not always be understood according to their literal meanings. Hence it is necessary to perceive it according to the approach taken by the *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* scholars. In writing the works of theology, the scholars have applied and adapted the debates contained in the sciences of *mantiq* and *usul al-fiqh* through a contextual approach to understand these Quranic and Hadith texts. This book *Risalah Manhaj Ahli Sunnah* is inevitable to take the same approach in explaining these *mutashabihat* texts and meet the correct exegesis according to the path of *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* as well as to avoid from being trapped in the creed that equates Allah SWT with His creatures.

**Keywords:** Integration of Knowledge; *Ahl-Sunnah wa al-Jama'ah*; Islamic Turath; Jawi Book.

## Pengenalan

Ilmu akidah atau *usuluddin* merupakan ilmu yang mula-mula sekali wajib dipelajari oleh setiap mukalaf bagi mengesahkan dan mengukuhkan iman serta melestarikan penghayatan kehidupan beragama. Ilmu ini membahaskan perkara-perkara yang wajib dipercayai dan diimani oleh seseorang mukalaf, melalui dalil yang sahih dan membawa kepada keyakinan (Al-Khin & Misto, t.th.). Dalil-dalil yang *qat'i* (putus) sama ada berupa nas-nas al-Quran dan hadis mahupun berupa logik akal yang waras diambil sebagai asas sandaran menunjuk kepada keimanan. Dalam memahami teks-teks al-Quran dan

hadis yang berhubung kait dengan akidah dan kepercayaan, perlulah disedari tentang hakikat al-Quran dan hadis didatangkan dalam bahasa Arab, oleh itu terdapat lafaz-lafaz yang perlu difahami mengikut konteks, kaedah dan selok-belok disiplin bahasa Arab itu sendiri.

Selain itu, perlu difahami juga bahawa ayat-ayat al-Quran dan nas-nas hadis yang berhubung kait dengan akidah secara khusus terbahagi kepada dua; iaitu muhkamat dan mutasyabihat (Al-Quran, Ali 'Imran 3: 7). Hikmah diturunkan ayat berbentuk mutasyabihat ini ialah bagi membezakan di antara orang yang imannya kuat dan lemah dan bagi menerangkan kelebihan orang-orang yang

teguh serta dalam pengetahuannya dalam ilmu-ilmu agama (*al-rasikhun fi al-‘ilm*) (Al-Zuhaily, 1991). Secara dasarnya, Rasulullah SAW melarang keras daripada mendalami makna-makna ayat mutasyabihat (Al-Bukhari, 1998). Perihal ini telah ditunjukkan amalannya oleh kebanyakan para sahabat dengan tidak membahaskan berkenaan ayat-ayat mutasyabihat, bahkan mereka hanya membaca serta beriman dengannya (Al-Rawi, 2013). Namun begitu, setelah masa berlalu muncul golongan yang mula membicarakan tentang nas-nas mutasyabihat ini sehingga membawa kepada fahaman *tajsim* (menisbahkan anggota badan makhluk kepada Allah SWT) dan *tasybih* (menyamakan Allah SWT dengan makhluk) (Al-Baghdadi, 1982).

Malangnya, ajaran ini turut terkena tempiasnya kepada umat Islam di Nusantara. Oleh yang demikian, para ulama di rantau ini telah mengambil inisiatif dan usaha yang bersungguh-sungguh bagi memelihara dan menjaga keutuhan akidah umat Islam. Para ulama di Alam Melayu dari dahulu sehingga sekarang telah berusaha menjawab dan membetulkan salah faham berkenaan ayat-ayat dan hadis-hadis mutasyabihat, sama ada melalui penerangan lisan mahupun bertulis bagi mengekang penulatan ajaran sesat dan menyeleweng ini. Antara kitab Jawi yang masyhur khusus membahaskan tentang nas-nas mutasyabihat ialah kitab yang berjudul Risalah Manhaj Ahli Sunnah karya Tuan Guru Haji Abdul Qadir al-Fatani (Ayah Dir Sekam) dan yang agak terkini kitab Mawa‘iz al-Iman fi Tarjamah Ba‘dh Manahil al-‘Irfan serta syarahnya Mawaqif al-Marjan karya Tuan Guru Haji Ismail Sepanjang al-Fatani. Risalah Manhaj Ahli Sunnah merupakan antara sumber rujukan bertulis penting yang masih kekal diajarkan di pusat-pusat pengajian beraliran tradisional pondok, masjid-masjid dan surau-surau. Kitab ini merupakan sebuah kitab yang sederhana bilangan muka surat dan perbahasannya, namun begitu kandungannya dapat memenuhi kehendak masyarakat awam dan para ilmuwan dalam memahami secara jelas kaedah berinteraksi dengan teks-teks mutasyabihat yang terdapat di dalam al-Quran dan sunah mengikut perjalanan Ahli Sunah Waljamaah.

Sehubungan itu, artikel ini akan melihat bagaimana penulisan karya-karya akidah Jawi ulama Melayu menggabungkan unsur-unsur yang terdapat dalam ilmu usul fiqh, usuluddin dan mantik untuk memahami nas-nas mutasyabihat. Tinjauan ringkas diambil dari karya Risalah Manhaj Ahli Sunnah oleh Ayah Dir Sekam dengan mendatangkan beberapa contoh aplikasi integrasi tiga bidang ilmu tersebut yang didatangkan oleh pengarang.

### **Kitab Akidah di Alam Melayu dan Manhaj Ulama Nusantara Dalam Berkarya dan Memahami Nas-Nas Mutasyabihat**

Kedatangan Islam ke Alam Melayu telah membawa perubahan yang menyeluruh terhadap pandangan hidup masyarakat Melayu dalam pelbagai sudut yang menyentuh aspek kepercayaan dan pegangan agama, politik, sosial, budaya dan gaya pemikiran mereka. Pengaruh yang terbesar ialah membawa akidah Islam serta budaya ilmu dan intelektual. Semenjak kedatangan dan penyebaran Islam ke rantau ini, karya-karya dalam bidang akidah banyak ditulis oleh para ulama Melayu Nusantara. Judul-judul popular seperti *Faridah al-Faraid fi ‘Ilm al-‘Aqid* dan *Sabil al-Salam* karya Syeikh Wan Ahmad bin Wan Muhammad Zain al-Fatani, *Siraj al-Huda* karya Syeikh Muhammad Zainuddin al-Sambawi, *‘Aqidah al-Najin fi ‘Ilm Usul al-Din* karangan Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani (Tuan Minal), *Al-Durr al-Thamin* dan *al-Jawahir al-Saniyyah* karya Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani, *Bidayah al-Hidayah* karangan Syeikh Muhammad Zain bin Faqih Jalaluddin Acheh dan *Fath al-Majid* dan *Nur al-Zalam* karya Syeikh Nawawi al-Bentani merupakan di antara teks-teks pengajian akidah utama di Alam Melayu.

Menurut Wan Mohd Saghir (2009a) karya-karya akidah ini dapat dibahagi kepada empat corak iaitu:

1. Karya khusus yang membicarakan ilmu tauhid yang ditulis dalam bahasa Melayu.
2. Karya khusus yang membicarakan ilmu tauhid yang ditulis dalam bahasa Arab.
3. Karya tauhid yang ditulis dalam karya ilmu fiqh atau tasawuf yang diletakkan di bahagian permulaan kitab yang ditulis dalam bahasa Melayu.
4. Karya tauhid yang ditulis dalam karya ilmu fiqh atau tasawuf yang diletakkan di bahagian permulaan kitab yang ditulis dalam bahasa Arab.

Namun, boleh diakui bahawa kitab-kitab Melayu yang ditulis dalam tulisan Jawi tentang akidah telah menemui sasaran dan keberkesanan di masyarakat rantau ini zaman-berzaman dari dahulu hingga kini, berbanding karya-karya akidah yang ditulis oleh ulama Melayu yang menggunakan bahasa Arab (Wan Mohd Saghir, 2009b). Hal ini kemungkinan besar disebabkan oleh penyampaiannya lebih dekat dengan medium perantaraan bahasa tempatan serta audiens setempat (Syed Salim, 2018).

Kitab-kitab Jawi telah digunakan sebagai teks utama pengajaran dan pembelajaran di institusi-institusi pendidikan tradisional dan pengajian umum bagi menerangkan topik perbincangan ilmu-ilmu usuluddin. Menurut Engku Ku Hassan Engku Wok Zin & Mohd Fauzi Hamat (2009), di Alam Melayu secara khususnya pengaruh kitab *Umm al-Barahin* karangan Imam Muhammad bin Yusuf al-Sanusi (wafat 895H/1490M) dalam karya-karya dan pengajian akidah di Nusantara adalah amat ketara. Boleh dikatakan kebanyakan

pendekatan yang ada di Malaysia adalah menggunakan pendekatan sifat dua puluh yang diasaskan oleh Imam al-Sanusi menerusi kitab *Umm al-Barahin*. Pengarang-pengarang karya akidah di rantau ini menjadikan pendekatan *Umm al-Barahin* sebagai asas utama dalam karya mereka. Pendekatan tersebut dapat dilihat pada tiga aspek utama iaitu isi kandungan kitab, susunan isi kandungan dan metode pendalilan. Apabila ditelusuri kitab-kitab akidah Jawi, didapati metode yang digunakan ialah dimulakan dengan perbincangan hukum akal, menghadkan perbincangan terhadap dua puluh sifat Allah SWT sahaja yang wajib diketahui oleh mukalaf secara huraian satu persatu (*tafsili*) dan tiga sifat yang wajib bagi rasul, huraian dua kalimah syahadah dengan menonjolkan dua sifat ketuhanan iaitu *al-istighna'* dan *al-iftiqar* dan pendalilan menggunakan logik akal atau metode qiyas mantik yang selari dengan dalil-dalil naqli.

Dalam pada itu, pentakwilan nas-nas mutasyabihat merupakan salah satu isu akidah ketuhanan yang kian menjadi polemik di kalangan umat Islam semenjak kurun awal Hijrah sehingga kini dan turut mempengaruhi pemikiran para ulama Ahli Sunah Waljamaah di Nusantara (Muhammad Rashidi & Syed Hadzrullathf, 2012). Dalam memahami nas-nas mutasyabihat ini, para pengarang kitab akidah Melayu mengambil pendekatan yang sama seperti karya-karya ulama Timur Tengah terutamanya karangan-karangan Imam al-Sanusi.

Ayat atau hadis mutasyabihat ialah ayat atau hadis yang tidak jelas maksudnya atau memiliki beberapa kemungkinan maksud, oleh itu memerlukan pemikiran yang matang untuk mengarahkannya kepada satu maksud yang sesuai. Jika orang awam cuba memahaminya secara literal berdasarkan makna yang zahir, ia boleh terkeliru dan akan menimbulkan sangkaan bahawa Allah SWT memiliki sifat kekurangan sehingga membawa kepada menyerupakan Allah SWT dengan makhlukNya. Ini kerana ayat atau hadis tersebut menyebut tentang sifat-sifat yang secara sepintas lalu bermaksud organ atau anggota badan Tuhan dan menunjukkan arah atau tempat. Sifat-sifat ini disebut sebagai *sifat khabariyyah* atau sifat Allah yang dapat diketahui melalui teks al-Quran atau hadis sahaja, bukan melalui akal manusia (Muhammad Rabi' Jawhari, 2013; Muhammad Idrus Ramli, t.th.; Ismail bin Umar, t.th.).

Profesor Dr. Muhammad Rabi' Jawhari (2013), Profesor Akidah di Universiti al-Azhar al-Syarif, telah menyenaraikan sebelas *sifat khabariyyah* yang terdapat dalam al-Quran al-Karim seperti berikut:

1. *Al-Wajh* seperti pada surah al-Rahman 55: ayat 26-27, surah al-Baqarah 2: ayat 115 dan surah al-Qasas 28: ayat 88.
2. *Al-'Ayn* seperti pada surah Taha 20: ayat 39, surah Hud 11: ayat 37 dan surah al-Mukminun 23: ayat 27.

3. *Al-Yad* seperti pada surah al-Fath 48: ayat 10, surah al-Hujurat 49: ayat 1 dan surah al-Maidah 5: ayat 64.
4. *Al-Janb* pada surah al-Zumar 39: ayat 56.
5. *Al-Saq* pada surah al-Qalam 68: ayat 42-43.
6. *Al-Samad* pada surah al-Ikhlash 112: ayat 2.
7. *Al-Fauqiyah* pada surah al-An'am 6: ayat 18.
8. *Al-Istiwa'* pada surah Taha 20: ayat 5.
9. *Al-Ma'iyah* seperti pada surah al-Baqarah 2: ayat 163 dan 194 dan surah al-'Ankabut 29: ayat 69.
10. *Al-Qurb* pada surah Qaf 50: ayat 16 dan surah al-Waqi'ah 56: ayat 83-85.
11. *Al-Ityan wa al-Maji'* pada surah al-Baqarah 2: ayat 210.

Kesilapan memahami nas-nas sebegini boleh membawa kepada mengatakan Allah SWT memiliki anggota tubuh atau jisim dan berbuat seperti makhluk yang bertubuh badan, misalnya mempunyai tangan, muka, duduk, bersemayam, berada di langit, turun dari atas ke bawah dan sebagainya. Selain itu, hal ini boleh membawa kepada mensifatkan Allah SWT dengan sifat kelemahan atau sifat yang tidak layak atas Allah, seperti lupa dan lemah (Abdul Qadir, t.th.; Muhammad Idrus Ramli, t.th.).

Untuk mengelakkan dari timbulnya salah faham ini para ulama Ahli Sunah Waljamaah sepakat berjihad melakukan takwil secara "*ta'wil ijmal*" iaitu dengan mengatakan bahawa semata-mata lafaz yang zahir bukanlah maksud yang diinginkan. Walaupun begitu, terdapat perbezaan pada pendekatan atau manhaj pentakwilan di antara ulama Salaf dan Khalaf.

Majoriti ulama Salaf berjihad melakukan "*ta'wil ijmal*", iaitu dengan cara mengekalkan lafaz nas tersebut secara zahir, tanpa diterjemahkan secara *harfiah* (terjemahan literal), serta beriman dengannya dan meyakini bahawa nas-nas tersebut memiliki makna yang layak bagi keagungan Allah SWT, tanpa menentukan maknanya secara khusus. Kemudian, mengembalikan nas-nas tersebut kepada nas-nas yang muhkamat. Pendekatan ini disebut sebagai "*tafwidh*" iaitu menyerahkan tujuan atau makna sebenar yang dimaksudkan oleh nas tersebut kepada Allah SWT semata-mata.

Manakala ulama Khalaf berjihad melakukan pendekatan "*ta'wil tafsili*", lanjutan kepada "*ta'wil ijmal*", iaitu dengan menjelaskan makna yang dimaksudkan oleh nas al-Quran dan hadis mutasyabihat tersebut berdasarkan kaedah-kaedah disiplin bahasa Arab, sehingga jelas maksudnya dan tidak menyerupakan Allah SWT dengan makhluk. Mereka tidak membawa nas-nas tersebut kepada pengertian secara literal. Dengan demikian, umat Islam terutama dari kalangan awam akan

selamat dari kesilapan dalam memahami nas-nas yang mustayabihat. Pendekatan ini juga diikuti oleh sebahagian ulama salaf generasi sahabat seperti Sayyidina Ibnu ‘Abbas RA. (Al-Baijuri, 2008; Muhammad Rabi‘ Jawhari, 2013; Muhammad Idrus Ramli, t.th.).

Jelas di sini, pendekatan yang diambil oleh ulama Salaf dan Khalaf kedua-duanya benar. Namun begitu, dalam mendepani fitnah-fitnah yang berlaku di akhir zaman apabila berkembangnya pelbagai aliran pemikiran yang merosakkan akidah umat Islam, serta kurangnya penekanan masyarakat awam untuk mendidik anak-anak dengan pengajian akidah mengikut perjalanan Ahli Sunah Waljamaah sedari kecil, adalah lebih sesuai untuk mengikut pendekatan ulama Khalaf secara “*ta’wil tafsil*” demi mensucikan Allah SWT daripada sifat-sifat yang tidak layak (Al-Baijuri, 2008).

### **Integrasi Ilmu Dalam Karya Akidah Jawi dan Perkaitan Antara Ilmu Usul Fiqh, Usuluddin dan Mantik**

Para ulama Nusantara sebagai pemangkin kepada jati diri dan tamadun umat Melayu menyalurkan pemikiran mereka melalui teks-teks akidah sama ada berbahasa Arab atau Jawi. Mereka bukan hanya mendidik masyarakat dalam ilmu keagamaan khusus sahaja, bahkan ilmu pengetahuan yang dikategorikan sebagai ilmu yang berteraskan akal sebagai penguat kepada ilmu agama. Kedua-duanya tidak wajar dipisahkan agar tidak wujud pemisahan antara aliran ilmu berteraskan wahyu (*al-naql*) dan ilmu yang berdasarkan akal manusia (*al-‘aql*). Menyedari hal ini, ramai ulama Melayu silam telah berusaha untuk mempertautkan beberapa disiplin ilmu yang dianggap terasing daripada kategori ilmu agama, dengan mengiktiraf bahawa ilmu tersebut juga adalah sebahagian daripada ajaran Islam dan penting dalam pemantapan akidah dan kesahihan amal ibadat (Hasliza Hassan, 2018).

Misalnya, Syeikh Zainal Abidin al-Fatani atau dikenali sebagai Tuan Minal telah berusaha menjalinkan beberapa disiplin ilmu yang berteraskan dalil akal dengan ilmu usuluddin dan membuktikan bahawa kefahaman terhadap ilmu tersebut mampu memantapkan akidah seseorang Muslim. Dalam karyanya *‘Aqidah al-Najin*, beliau telah menyentuh tentang disiplin ilmu usuluddin yang terkandung di dalamnya tiga aspek utama iaitu ketuhanan, kerasulan dan hari akhirat. Dalam membincangkan isu-isu ini, pengarang telah menyelitkan pelbagai keterangan logik akal, selain rujukan utama kepada al-Quran dan hadis. Penekanan terhadap konsep pemikiran akal amat dititikberatkan dalam pemahaman karya ini bagi mendorong umat Islam agar sentiasa berfikir, mengkaji dan memahami ajaran Islam dengan lebih mendalam. Bagi memantapkan hujah tentang ketuhanan, pengarang telah mengemukakan pelbagai dalil

akal bagi membuktikan keesaan Allah SWT seperti penerangan konsep sains fizik tentang zarah dan atom dalam perbincangan hakikat *jirim* dan *‘aradh* bagi menerangkan perbezaan antara Allah SWT sebagai Pencipta dengan makhluk yang dicipta (Syed Salim, 2018).

Menurut Dr. ‘Ali Jum‘ah (2007) cabang-cabang ilmu yang terhasil dari akal manusia ini seperti ilmu usul fiqh, nahu, saraf, *wadh‘* dan balaghah adalah untuk berkhidmat dan berbakti kepada nas-nas syarak. Ilmu-ilmu seperti ini yang turut dikenali dengan nama “ilmu alat” berfungsi sebagai alat atau pengantara untuk memahami nas-nas al-Quran dan hadis.

Antara ilmu-ilmu alat yang sangat perlu untuk dikuasai ialah disiplin-disiplin ilmu yang berkaitan dengan bahasa Arab. Nas-nas al-Quran dan hadis yang berbahasa Arab tidak akan dapat difahami maksud sebenarnya melainkan dengan ilmu berkaitan kaedah dan disiplin bahasa Arab itu sendiri. Menurut Dr. ‘Ali Jum‘ah (2015) lagi, falsafah bahasa (*al-falsafah al-lughawiyah*) memainkan peranan yang sangat penting untuk memahami teks-teks al-Quran, hadis dan turath. Oleh itu para ulama silam sangat mementingkan permasalahan “*dalalat al-alfaz*” untuk memahami pengertian dan makna sebenar yang hendak disampaikan oleh sesuatu lafaz dalam nas-nas syarak. Sultan al-‘Ulama Imam ‘Izzuddin bin Abdus Salam (2014) mengatakan bahawa mempelajari dan menguasai ilmu tatabahasa Arab adalah suatu *bid‘ah* (perkara baharu) yang wajib untuk memahami al-Quran dan sunah. Kewajipan mempelajari ilmu ini adalah untuk memelihara syariah, sebagaimana kaedah usul fiqh menyatakan bahawa apabila sesuatu perkara yang wajib tidak akan sempurna melainkan dengan sesuatu perkara yang lain, maka perkara yang lain itu turut menjadi wajib (*ma la yatimm al-wajib illa bihi fahuwa wajib*).

Terdapat tiga ilmu yang saling kait-mengait dan mempunyai metode dan tajuk yang hampir sama dari sudut perbincangan topik-topik yang dibincangkan iaitu ilmu usul fiqh, ilmu usuluddin atau ilmu kalam dan ilmu mantik. Apabila ditelusuri karya-karya ulama dalam ketiga-tiga bidang ilmu tersebut didapati pendekatan dan manhaj yang digunakan adalah berkisar pada perbincangan dan permasalahan kalam dan lafaz, bahasa dan logik akal. Oleh itu, kandungan karya-karya tersebut tidak lari daripada topik-topik tentang pengetahuan (*al-ma‘rifah*), dalil, *amarat*, zan, syak, peletakan *al-muqaddimah al-sughra* dan *al-kubra*, *qadhaya* serta perbincangan tentang *dalalat* mantik.

Ilmu usuluddin merupakan ilmu yang membahaskan prinsip-prinsip serta doktrin-doktrin kepercayaan yang sabit dengan dalil-dalil yang yakin (Al-Khin & Misto, t.th.). Dalil-dalil tersebut sama ada datang dari nas al-Quran dan hadis mahupun akal manusia. Dalam membincangkan dan memahami akidah Islam,

para ulama menggunakan logik dan kefahaman akal terhadap maksud sesuatu lafaz atau perkataan yang disampaikan oleh nas-nas al-Quran dan hadis. Ini bersesuaian dengan tuntutan-tuntutan syarak agar manusia menggunakan akal untuk mengenal Allah SWT dan memperkukuhkan akidah (Al-Quran, Fussilat 41: 53; al-Anbiya' 21: 22).

Ilmu mantik atau ilmu logik ialah suatu alat yang mengatur kerja otak dalam berfikir agar terhindar dari kesalahan (Al-Jurjani, 2012) dengan menyusun *al-muqaddimah al-sughra* dan *al-muqaddimah al-kubra* untuk memperoleh suatu kesimpulan (*al-natijah*) dalam memahami sesuatu perkara dan memperoleh kebenaran. Ilmu ini membahaskan kaedah-kaedah yang dapat membimbing akal manusia dalam berfikir supaya dapat menghasilkan kesimpulan yang benar dan terhindar dari kesalahan. Bidang perbahasan ilmu mantik berkaitan dengan maklumat *tasawwuriyyah* (gambaran yang ada pada akal manusia secara langsung dengan sendirinya tanpa melibatkan sifat dan hukum lain) dan *tasdiqiyyah* (tasawwur yang disertai dengan hukum, sama ada secara nafi atau isbat). Maklumat berkaitan *al-tasawwur* akan membantu untuk membina definisi, manakala maklumat berkaitan *al-tasdiq* akan membantu untuk membina pernyataan, penghujahan atau pembuktian (Al-Damanhuri, 2006). Dengannya dapat membantu seseorang individu untuk mengenal dan mendapat gambaran tentang sesuatu yang tidak diketahui serta membantu untuk mendapat kepastian tentang hakikat sesuatu yang belum pasti.

Topik utama perbahasan ilmu mantik berkisar pada *al-kulliyat al-khams* sebagai prinsip-prinsip asas dalam *al-tasawwur* dan perbahasan tentang *al-qadhaya* sebagai prinsip-prinsip asas dalam *al-tasdiqat*. Untuk membincangkan tajuk-tajuk ini, ulama mantik memuatkan tajuk-tajuk penting dalam kitab-kitab mantik seperti perbahasan *al-alfaz*, *al-dalalat* dan *al-qiyas* (Al-Damanhuri, 2006). Kemahiran dalam ilmu ini sangat penting bagi memahami ilmu usuluddin, kerana dalam memahami ilmu akidah yang menjadi keyakinan setiap mukalaf dikendaki untuk menggunakan akal. Dengan akal manusia membuat kesimpulan atas sesuatu perkara berdasarkan tiga hukum di bawah sebagai dasar untuk memahami ilmu akidah Ahli Sunah Waljamaah agar seseorang itu dapat mengelakkan dari pemahaman yang keliru. Tiga hukum tersebut ialah (Faudah, 2017):

1. **Hukum akal atau hukum logik.** Hukum akal ialah suatu hukum atau kesimpulan yang dibuat oleh akal berdasarkan logik akal. Kesimpulan terhadap sesuatu benda atau kejadian menurut hukum akal dibahagi kepada tiga perkara iaitu; perkara wajib (sesuatu yang mesti benar atau ada dan tidak mungkin sebaliknya), perkara mustahil (sesuatu yang mesti tidak benar atau tidak ada

dan tidak mungkin sebaliknya) dan perkara harus/*jaiz* (sesuatu yang boleh jadi benar atau ada dan boleh jadi tidak benar atau tidak ada).

2. **Hukum adat atau hukum kebiasaan atau sering disebut juga hukum alam atau *sunnatullah*.** Hukum adat atau hukum alam adalah suatu hukum atau kesimpulan yang dibuat oleh akal berdasarkan pengamatan dan pengalaman secara berulang-ulang, paling kurang dua kali. Kesimpulan atas dasar pengamatan dan pengalaman ini kemudian disusun menjadi berbagai-bagai ilmu. Allah SWT telah menjadikan alam ini dengan peraturan dan ketetapanNya agar memudahkan kehidupan manusia dan makhluk Allah yang lain.
3. **Hukum syarak iaitu hukum yang diwahyukan oleh Allah.** Hukum yang diwahyukan adalah suatu hukum yang diyakini atas dasar al-Quran dan hadis. Dalil yang dipakai untuk menentukan hukum ini disebut dalil naqli iaitu dalil yang dinukil dari al-Quran atau hadis. Hukum ini dikenali sebagai hukum *taklifi* dan hukum *wadh'i*.

Melalui ilmu mantik perkara-perkara yang dihukumkan oleh akal akan menjadi pengetahuan, seterusnya menjadi landasan ilmu-ilmu lainnya. Jika tidak memahami ilmu mantik seseorang individu akan tersilap dalam menghukumkan sesuatu perkara yang kadang-kala menyebabkan ia jatuh ke lembah kekufuran, seperti tersilap memahami hukum akal dan hukum adat (Abdul Aziz, 1994). Hal ini telah terjadi kepada kaum musyrikin Mekah yang menjadi kufur kerana mereka menafikan mukjizat-mukjizat Rasulullah SAW. Mereka mengatakan sesuatu yang terjadi di luar kebiasaan dan mencarik adat adalah perkara mustahil akal, padahal perkara itu adalah perkara yang *jaiz* atau harus pada akal walaupun mustahil pada hukum adat.

Ilmu usul fiqh pula ialah ilmu yang membahaskan tentang kaedah-kaedah yang digunakan oleh para mujtahid untuk mengeluarkan hukum syarak yang berkaitan dengan perbuatan mukalaf daripada dalil-dalil tafsili (Al-Zuhaily, 1998). Dalam ilmu usul fiqh, integrasi yang mantap berlaku antara dalil nas dan penggunaan akal. Beberapa aspek teknikal dalam ilmu usul fiqh seperti *al-qiyas* dan proses mengeluarkan ilat (*takhrij al-manat*), kaedah linguistik asas (*al-qa'idah al-lughawiyah al-usuliyyah*) seperti *al-dalalat*, *al-istihsan*, *al-istishab*, percanggahan nas dan penyelarasan (*al-ta'arudh wa al-tarjih*) dan kaedah pemansuhan (*nasakh*) menjadikan ilmu usul fiqh sebagai metode penyelidikan dan berfikir yang sah dan tepat. Hasil gabungan daripada aspek-aspek di atas menjadikan ilmu usul fiqh sebagai ilmu yang tidak terhad kepada sumber-sumber dan dalil-

dalil perundangan syarak sahaja, bahkan merangkumi bidang akidah, logik, morfologi, epistemologi dan lain-lain. Menurut Ahmad Fauwaz (t.th.), untuk menguasai ilmu usul fiqh, seseorang itu perlu terlebih dahulu menguasai ilmu bahasa Arab, ilmu mantik dan ilmu usuluddin. Hal ini kerana kebanyakan perbincangan ilmu usul fiqh mempunyai perbincangan bahasa dan penggunaan istilah mantik.

Dari konteks ilmu usul fiqh dan ilmu mantik pula, Mohd Fauzi Hamat (2000) menegaskan bahawa kedua-duanya sama-sama berteraskan akal manusia atau berdasarkan perkaedahan khusus yang bersangkut secara langsung dengan cara berfikir tepat. Kedua-dua disiplin ini sama-sama menekankan aspek pendalilan berasaskan kaedah-kaedah yang tertentu. Perbezaan antara kedua-duanya pula ialah disiplin mantik lebih menumpukan perbincangan kepada pengetahuan tentang metode-metode derivasi minda dari maklumat-maklumat yang sudah diketahui (*al-ma'lumat*) kepada maklumat-maklumat yang masih belum diketahui (*al-majhulat*). Manakala disiplin usul fiqh pula lebih difokuskan kepada pengetahuan tentang bentuk-bentuk (*wujud*) bagaimana dalil-dalil syarak menunjuk atau menentukan hukum-hukum secara keseluruhan (*ijmali*), bukan secara terperinci (*tafsili*). Ini bermakna kedua-dua disiplin ilmu ini jelas berkisar kepada penggunaan akal manusia dalam berfikir malahan tabii disiplin usul fiqh itu sendiri telah meletakkan perbincangan ilmiah yang bersandarkan kepada akal sebagai sebahagian dari topik perbincangannya.

Mohd Fauzi Hamat (2000) seterusnya menegaskan bahawa pendekatan yang menggabungkan disiplin mantik yang berasaskan kepada akal semata-mata dengan ilmu usul fiqh yang tergabung di dalamnya perbincangan yang berasaskan kepada akal dan *al-sam'* secara samarata adalah suatu usaha yang dipelopori oleh Imam al-Ghazali dalam karya usul fiqhnya yang terkenal *al-Mustasfa*. Gabungan antara perbincangan yang bercorak *'aqliyyah* dan *sam'iyah* inilah sebenarnya yang meletakkan disiplin usul fiqh sebagai semulia-mulia ilmu, berbanding dengan disiplin lain yang membahaskan aspek *'aqliyyah* semata-mata seperti Matematik, Aritmetik dan Astronomi atau yang membahaskan aspek *al-sam'* semata-mata seperti ilmu hadis dan tafsir. Imam al-Ghazali (1997) mengatakan bahawa sesiapa yang tidak mengetahui tentang mukadimah mantik yang diletakkan di bahagian awal kitab *al-Mustasfa* maka ilmunya tidak boleh dipercayai langsung. Ini membuktikan bahawa beliau amat menyanjung tinggi peranan mantik dalam bidang ilmu pengetahuan, bukan sahaja dalam bidang usul fiqh yang menjadi fokus utama perbincangan kitab tersebut, malah mencakupi semua bidang ilmu pengetahuan yang lain.

Apabila dibandingkan antara ilmu mantik, usul fiqh dan usuluddin, pengaruh dan peranan ilmu mantik terserlah apabila banyak perbincangan dalam ilmu usul fiqh

dan usuluddin menggunakan kaedah-kaedah mantik. Mukadimah dan definisi yang terdapat dalam ilmu usul fiqh dan ilmu usuluddin *mutaakhirin* diambil daripada ilmu mantik. Perkaitan antara ilmu usuluddin, mantik dan usul fiqh sangat jelas dilihat ketika perbincangan tentang qiyas. Ketiga-tiganya saling terkait dalam bahasan yang sama, meskipun tujuannya berbeza. Usul fiqh untuk menentukan kesimpulan hukum yang terkait dengan perbuatan hamba secara praktis, sementara usuluddin untuk menentukan hakikat ketuhanan dan kerasulan. Lebih jelas apabila dilihat dari sudut perbincangan *illat ma'lul*, sebab, syarat, baik buruk adakah dengan akal atau syariat (*al-tahsin wa al-taqbih*), hikmah dan lain-lain.

Di samping itu, tajuk-tajuk perbincangan yang terdapat dalam ilmu *lughah* (linguistik Arab), mantik dan kalam telah menjadi sebahagian daripada perbincangan utama dalam disiplin usul fiqh. Misalnya, tajuk-tajuk perbincangan dalam ilmu *lughah* ialah seperti kaedah-kaedah istinbat, perbincangan lafaz-lafaz dan *dalalat* seperti *'amm* dan *khas*, *musytarak*, *sarih* dan *kinayah*, *haqiqah* dan *majaz*. Manakala tajuk-tajuk perbincangan dalam ilmu kalam pula merangkumi huraian tentang *had*, *rasm*, *burhan*, *'illah*, *hujjah*, *wadh'* dan *wadhi'*, *tahsin* dan *taqbih*, *qiyas*, *isabah* dan *khata'* dalam ijihad dan lain-lain (Sano, 1997).

Jelaslah di sini bahawa ketiga-tiga ilmu ini mempunyai peranan yang sangat besar dalam membentuk akal yang tersusun dalam menganalisis nas-nas syarak, realiti semasa dan menyelesaikan masalah masyarakat. Aliran ulama turath yang telah disepakati oleh ulama Ahli Sunah Waljamaah sangat berkemahiran tinggi dalam ketiga-tiga bidang ilmu ini dan mereka telah mengintegrasikan naqal dan akal dengan sangat baik sekali. Aliran ini menjadikan manhaj sebegini sebagai kaedah yang sangat penting untuk memahami al-Quran dan sunah dengan kefahaman yang sebenar (Muhammad Rabi' Jawhari, 2013).

## **Kitab Risalah Manhaj Ahli Sunnah Dalam Memahami Nas Mutasyabihat**

### **Ketokohan dan Pengenalan Ringkas Pengarang**

Para ulama Patani terkenal dengan keilmuan dan kepakaran mereka dalam bidang usuluddin. Antara tokoh yang tersohor ialah Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani, Syeikh Wan Ahmad bin Wan Muhammad Zain al-Fatani, Syeikh Wan Ismail bin Wan Abdul Qadir al-Fatani (dikenali dengan panggilan Pak Da Eil) dan Tuan Guru Haji Ahmad bin Abdul Wahab al-Fusani. Manakala Tuan Guru Haji Abdul Qadir bin Wangah al-Fatani, pengarang Risalah Manhaj Ahli Sunnah, merupakan tokoh ulama mutakhir Patani dalam bidang usuluddin sehingga penghujung abad ke-20.

Nama lengkap Tuan Guru Haji Abdul Qadir seperti yang tertulis pada karangan-karangan beliau ialah

Haji Abdul Qadir bin Haji Wangah bin Abdul Latif bin Uthman. Beliau lahir pada tahun 1340 Hijrah bersamaan 1921 Masihi di Kampung Sekam, Patani. Bersempena dengan nama tempat kelahiran beliau, Tuan Guru Haji Abdul Qadir lebih dikenali dengan panggilan Haji Dir Sekam atau Ayah Dir Sekam (Ahmad Fathi, 2002; Masakaree Ardae, 2008).

Pendidikan awal Ayah Dir bermula di Pondok Balur tidak jauh dari kampung kelahirannya. Beliau belajar dengan seorang ulama bernama Haji Ahmad bin Muhammad Darawi yang lebih dikenali dengan panggilan Tok Balur. Selepas empat tahun belajar di sana, Ayah Dir telah berpindah ke Pondok Kubang Pasir untuk berguru dengan Haji Ahmad Kubang Pasir, Binjai Lima. Namun selepas dua tahun, gurunya itu telah meninggal dunia lalu beliau telah menyambung pengajiannya di Pondok Pusan, Perigi. Di sana beliau telah berguru dengan Tuan Guru Haji Ahmad bin Abdul Wahab al-Fusani iaitu seorang tokoh ulama terkenal dalam bidang usuluddin, qiraat dan ilmu falak di Patani ketika itu. Setelah belajar di tiga buah pondok di Patani, pada tahun 1949 Ayah Dir telah menyambung pengajiannya di Kelantan dengan berguru dengan Tuan Guru Haji Abdullah Tahir Bunut Payong yang merupakan seorang tokoh ulama terkenal dalam bidang fiqh Syafie di sana. Selain di Pondok Bunut Payong, beliau juga berguru dengan ulama-ulama lain seperti Haji Muhammad Nur Ibrahim Penambang (mufti Negeri Kelantan) dan Haji Ali Solahuddin Pulau Pisang di Masjid Muhammadi di bandar Kota Bharu (Ahmad Fathi, t.th.).

Pada musim haji, iaitu pada akhir tahun 1370 Hijrah (bersamaan awal tahun 1951), Ayah Dir telah berangkat ke Mekah untuk menyambung pengajiannya di sana bersama isterinya Zainab binti Haji Abdullah Mayor iaitu isteri dari perkahwinan beliau yang kedua. Di Mekah, Ayah Dir telah belajar selama lima tahun dengan ramai ulama di sana terutamanya Syeikh Wan Ismail bin Wan Abdul Qadir al-Fatani (Pak Da Eil). Pak Da Eil telah membimbing beliau mahir di dalam bidang usuluddin dan ilmu-ilmu alat seperti nahu, saraf, balaghah dan mantik. Di sana beliau lebih banyak berguru secara khusus atau dalam kumpulan kecil berbanding dalam halaqah yang besar. Pada tahun 1375 Hijrah (bersamaan 1955), Ayah Dir pulang ke Patani bersama-sama isterinya dan dua orang cahaya mata bernama Hafsah dan Ismail (Ahmad Fathi, 2002 & 2012).

Sumbangan Ayah Dir Sekam sangat banyak. Sumbangan beliau boleh dibahagikan kepada dua iaitu sumbangan dalam bentuk dakwah dan sumbangan dalam bentuk karya-karya penulisan (Ahmad Fathi, 2012). Sumbangan beliau dalam bidang dakwah terserlah melalui pembukaan pondok pengajian beliau yang menjadi tumpuan ribuan pelajar. Sekembalinya dari Mekah, Ayah Dir telah membuka pusat pengajian pondok yang diberi nama al-Maahad al-Islami bertempat di

Wakaf Budi (atau nama lainnya Selabudi), Sekam, Patani. Beliau menjadi syekh atau pengasuh pondoknya ini sehingga ke akhir hayatnya, iaitu kira-kira selama 35 tahun. Selama waktu ini, beliau berjaya muncul sebagai salah seorang ulama Patani yang disegani. Kerana reputasinya yang sebegini, beliau telah dijemput menganggotai Lujnah Ulama Fatani oleh Majlis Agama Islam Fatani (Rijalmuhibbin, 2010).

Memandangkan kepakarannya dalam bidang usuluddin, tidak hairanlah Ayah Dir lebih menumpukan dakwahnya dalam bidang tersebut. Menurut murid yang juga menantu beliau Tuan Guru Hj. Ghazali Ahmad, beliau mengajar kedua-dua kitab iaitu kitab Jawi dan kitab Arab. Bagi kitab ilmu usuluddin Jawi, antara kitab yang beliau selalu menggunakannya ialah kitab *Faridah al-Faraid*, *Bakurah al-Amani*, *Siraj al-Huda* dan *Aqidah al-Najin*. Manakala bagi kitab ilmu usuluddin berbahasa Arab pula, beliau menggunakan kitab *Hasyiah al-Baijuri Syarah Matan al-Sanusi*, *Hasyiah al-Dusuqi*, *Kifayah al-'Awam*, *Matan Jauharah al-Tauhid*, *al-Syarqawi 'ala al-Hudhudi*, *Fath al-Majid* dan lain-lain (Ahmad Fathi, 2012). Selain daripada ilmu usuluddin, Ayah Dir juga mengajar ilmu fiqh daripada kitab-kitab kecil seperti *Fath al-Qarib Syarah Matan al-Ghayah wa al-Taqrif* hinggalah kepada kitab-kitab yang besar seperti *Fath al-Wahhab*, *al-Iqna'* dan *Mahalli*. Di samping itu beliau juga mengajar tafsir menggunakan kitab *Tafsir al-Jalalain*, kitab *Hasyiah al-Sawi 'ala Tafsir al-Jalalain* dan kitab *al-Futuh al-Ilahiah bi Taudhih Tafsir al-Jalalain li al-Daqaiq al-Khafiyah* (juga dikenali dengan nama *Hasyiah Jamal*). Ayah Dir juga mengajar beberapa buah risalah kecil yang tidak melebihi 50 halaman karangan beliau sendiri (Masakaree Ardae, 2008).

Selain mengajar di pondok, Ayah Dir juga mengajar masyarakat awam di masjid-masjid, surau-suru dan balai raya di sekitar tempat tinggalnya termasuk Masjid Jamik Bandar Patani pada setiap hari Jumaat. Dalam bidang akidah, beliau menggunakan kitab-kitab pondok seperti *Faridah al-Faraid*, *Bakurah al-Amani* dan *Siraj al-Huda*. Manakala dalam bidang fiqh pula beliau menggunakan kitab *Kifayah al-Muhtadi*, *Munyah al-Musalli* dan *Matla' al-Badrain*.

Hasil daripada didikan beliau, Ayah Dir telah melahirkan ramai ulama antaranya ialah Tuan Guru Abdul Rahman Pauh Manis, Rakak (pengarang kitab *Khulasah al-Tauhid fi Ma'rifah al-'Aqid*), Tuan Guru Haji Husin Bendang Pedur, Tuan Guru Haji Ismail Sepanjang, Tuan Guru Abdul Wahhab Chenak, Tuan Guru Haji Ahmad Amanu, Baba Ismail Kok Tat Chenak, Tuan Guru Haji Nujum Chenak, Tuan Guru Abdullah Kok Sumut Narathiwat, Tuan Guru Abdul Rahman Mat Rusa, Tuan Guru Abdul Aziz Ismail (lebih dikenali dengan Baba Aziz) yang merupakan menantu Ayah Dir dan pengarang kitab *al-Misbah al-Munir fi Ma'rifah Allah al-Qadir*, Tuan Guru Haji Husin Ijok (menantu



Ayah Dir), Tuan Guru Haji Abdullah Merjum, Ijok, Tuan Guru Ismail Kampung Petai, Jaha, Tuan Guru Hj. Ghazali Ahmad (menantu Ayah Dir dan penggantinya sebagai mudir di pondoknya sekarang), Ustaz Hamzah, Pondok Tahfiz, Tuan Guru Haji Ismail Chemuan, Belukar Samak, Tuan Guru Haji Mat Pinis, Tuan Guru Haji Yusuf Kok Tal (mengasaskan pondok di Kampung Tok Diang) dan Tuan Guru Muhammad Beruas (digelar sebagai Anak Harimau Ayah Dir Sekam) (Ahmad Fathi, 2012; Masakaree Ardae, 2008).

Bagi sumbangan dalam bentuk karya penulisan, dikatakan bahawa Ayah Dir sebagai tokoh mutakhir Patani sehingga penghujung abad ke-20 yang paling banyak menulis (Ahmad Fathi, 2002). Ayah Dir banyak mengarang kitab-kitab khususnya dalam bidang usuluddin kerana beliau adalah seorang pakar di dalam bidang akidah Ahli Sunah Waljamaah. Kepakaran beliau itu bukan hanya digunakan untuk mengajar kitab-kitab akidah yang telah ada pada zamannya tetapi beliau juga telah mengarang kitab-kitab yang banyak dalam bidang tersebut. Kitab-kitabnya itu telah banyak diterbitkan di Patani dan banyak digunakan di pondok-pondok di Patani dan Malaysia sehingga kini. Antara kitab-kitab beliau yang masyhur ialah (Ahmad Fathi, 2012):

1. *Mabda' al-Fikrah fi al-Maqulat al-'Asyarah*. Risalah ini telah dikarang oleh beliau ketika menuntut di Mekah. Risalah ini membahaskan mengenai ilmu mantik yang berkaitan dengan akidah. Risalah ini telah dicetak dan dimasukkan di bahagian belakang kitab *Mabhas al-Kalam fi 'Ilm al-Kalam*.
2. *Mabhas al-Kalam fi 'Ilm al-Kalam*. Kitab ini membincangkan mengenai ilmu akidah khusus berkaitan penerangan sifat-sifat *ma'ani* seperti sifat kalam, qudrat dan lain-lain.
3. *Asas al-I'tiqad li Dhu'afa al-Bilad*. Kitab ini adalah sebuah kitab kecil setebal 24 halaman yang membincangkan mengenai asas-asas iktikad yang wajib diketahui oleh setiap orang Muslim yang mukalaf. Kitab ini merangkumi 41 sifat yang berkaitan dengan ketuhanan dan sembilan sifat yang berkaitan dengan kerasulan.
4. *Cermin Suluhan Pada Menyatakan Hukum Sembelihan*. Kitab setebal 20 halaman ini membincangkan tentang hukum haram makan binatang sembelihan.
5. *Taqrib al-Ikhwān fi Ta'lim 'Aqaid al-Iman*. Kitab setebal 32 halaman ini membincangkan akidah Islam merangkumi segala sifat-sifat ketuhanan serta segala sifat-sifat rasul yang wajib diketahui oleh setiap mukalaf. Kitab ini juga menghuraikan sifat-sifat Allah dengan lebih mendalam dengan penerangan istilah *nafsiah*, *salbiah*, *ma'ani* dan *ma'nawiyah*. Kitab ini

adalah antara kitab yang paling laris di pasaran sehingga diulang cetak sebanyak 18 kali.

6. *Tashil al-Dhu'afa wa Radd Ba'dh Ahwal al-Sufaha*. Kitab setebal 35 halaman ini membincangkan tentang iktikad yang perlu dipelajari oleh kanak-kanak yang baru hendak belajar ilmu agama dan orang-orang tua yang baru kembali hendak belajar. Ia juga membincangkan berkaitan rukun-rukun Islam dan rukun iman. Antara lain yang dibincangkan di dalam kitab ini juga adalah berkaitan istilah dan penerangan hukum akal, hukum adat dan hukum syarak. Pada bahagian akhir kitab ini beliau telah menasihatkan kepada masyarakat supaya jangan mengambil sikap tidak peduli kepada hal-hal berkaitan agama dan perkara akhirat.

7. *Ta'lim al-Aulad fi Zikr Ba'dh Ahwal al-'Ibad*. Kitab setebal 26 halaman ini membincangkan tentang hal-hal berkaitan hati yang perlu dijauhi serta beberapa pengajaran untuk menggerakkan seseorang hamba kepada membanyakkan amal kepada Allah SWT. Di dalam kitab ini juga beliau menyeru setiap orang Islam agar memperbanyakkan amal ibadat untuk persediaan akhirat. Beliau telah menyatakan pada awal kitab ini bahawa karangan beliau ini banyak bersumberkan daripada kitab *Daqaiq al-Akhbar*.

8. *Tabyin Kazb al-Muftari fi Ma Yata'allaqu bi al-Bari*. Kitab setebal 40 halaman ini dikarang oleh beliau untuk menjawab dan menolak semula kitab yang telah dikarang oleh seorang guru yang telah membuka pondok berdekatan kampungnya. Di dalam kitabnya ini, Ayah Dir telah menulis dan menjelaskan serta menolak berkaitan kesesatan dan fitnah tentang masalah "mustahil qadim dan baharu" serta fitnah orang yang jahil tentang hukum akal serta fitnah orang yang tidak memahami tentang sifat kalam Allah SWT.

9. *Tazkirah li Zawi al-Afkar fi Ma Yamur al-insan Min al-A'mar*. Kitab setebal 33 halaman ini membincangkan berkaitan turutan proses yang akan dilalui oleh setiap insan bermula dari alam arwah, dihantar ke dunia sehinggalah sampai ke akhirat, sama ada kekal di syurga atau kekal di neraka. Pada bahagian akhir kitab ini beliau meletakkan nasihat kepada anak-anak muda supaya berbekal untuk akhirat serta menjauhkan diri daripada hanya menjadi orang yang hanya berbekal untuk dunia sahaja.

10. *Wasail Ilm al-Kalam Rif'ah Wa Rahmat Li al-'Awam*. Kitab setebal 23 halaman ini membincangkan dengan lebih lanjut tentang

hukum akal serta sedikit istilah-istilah ulama usuluddin.

11. *Risalah Manhaj ahl al-Sunnah*. Risalah setebal 48 halaman ini membincangkan mengenai pentafsiran ayat-ayat mutasyabihat yang terdapat didalam al-Quran. Ini adalah sebagai reaksi beliau terhadap pengajaran usuluddin para ustaz muda lepasan Timur Tengah ketika itu amnya dan Arab Saudi khususnya.

12. *Irsyad al-Jawiiyyin Ila Sabil al-'Ulama al-'Amilin*. Kitab setebal 32 halaman ini membincangkan berkaitan nasihat-nasihat kepada anak muda, kelebihan ilmu usuluddin, pesanan supaya jangan terkeliru dengan pengikut-pengikut Muhammad bin Abdul Wahhab, masalah menyambut Maulidul Rasul, masalah tawassul dan tabarruk, tentang pemahaman ulama berkaitan ayat mutasyabihat, permasalahan takwil serta penerangan berkaitan fahaman kaum *musyabbihah* dan *mujassimah*.

Berkenaan dengan peribadi Ayah Dir, menurut Ustaz Abdul Rahman (2017) Ayah Dir merupakan seorang yang tegas. Selain dari mempunyai mata yang cukup garang, beliau juga dikurniakan kepetahan dalam berhujah dan mengajar sehingga beliau digelar dengan gelaran "Harimau Patani". Sebagaimana umum mengetahui bahawa Ayah Dir seorang yang garang, namun garangnya bertempat. Di samping itu, beliau ialah seorang yang cukup sederhana, baik dari segi pemakaian hinggalah dari segi kehidupan sehingga beliau tidak dikenali sebagai Tuan Guru oleh orang-orang awam yang tidak mengenalinya.

Dari segi pakaian Ayah Dir hanya memakai kemeja-T dan kemeja atau baju Melayu tidak berbutang ketika mengajar. Beliau tidak berjubah atau berserban. Beliau juga hanya memakai terompah kayu sebagai kasut harian. Selain itu, Ayah Dir kurang gemar untuk memakai baju yang digosok hingga menampakkan *side* di lengan pakaiannya. Jika beliau mendapati terdapat *side* di pakaiannya, beliau akan meronyok-ronyokkan pakaian tersebut agar *sidenya* tidak lagi kelihatan. Perlakuan Ayah Dir ini boleh didapati persamaannya dengan beberapa imam dan ulama muktabar yang tidak gemarkan kemegahan pada pakaian, tanda mereka cukup bertawaduk dan zuhud di dunia, agar tiada orang yang menyanjung mereka dengan sanjungan yang berlebihan.

Bagi Ayah Dir, disiplin dalam menuntut ilmu ialah perkara yang paling penting baginya. Beliau boleh berkompromi dengan perangai anak-anak muridnya melainkan dalam perkara-perkara yang melibatkan pengajian. Di samping itu, beliau mendidik dengan menunjukkan suri tauladan dari diri beliau sendiri terlebih dahulu. Ayah Dir tidak gemar anak muridnya berambut

panjang. Oleh itu sebelum beliau menegur anak muridnya yang berambut panjang, beliau terlebih dahulu memastikan bahawa rambut beliau sendiri sentiasa pendek. Hingga pernah dikatakan bahawa rambut Ayah Dir tidak pernah dilihat melebihi seruas jari pun. Selain itu, beliau juga sangat menitikberatkan agar anak muridnya belajar hingga boleh mengajar. Bagi beliau, ilmu itulah perkara yang mampu mencorak peribadi seseorang Muslim.

Ayah Dir Sekam telah meninggalkan jasa yang besar dalam perkembangan pengajaran akidah Ahli Sunah Waljamaah di Alam Melayu. Usaha-usaha beliau dalam menyemarakkan institusi pengajian pondok juga telah diwarisi oleh anak-anak muridnya. Melalui sumbangan beliau dalam bidang dakwah dan karya-karya penulisan, ramai ulama yang telah dihasilkan. Antara yang paling masyhur ketika ini ialah Tuan Guru Haji Ismail Sepanjang yang lebih dikenali dengan Baba Eil Sepanjang yang sangat aktif berdakwah kepada masyarakat di Patani dan juga Malaysia sehingga sekarang. Karya-karya Ayah Dir sehingga kini masih digunakan di pondok-pondok di Patani dan Malaysia khususnya di Kelantan dan Kedah. Ayah Dir juga merupakan seorang yang sangat lantang menentang fahaman yang lebih dikenali dengan *al-Wahhabiyyah* semasa zamannya. Sesungguhnya sumbangan Ayah Dir sehingga kini masih diingati dan digunakan sehingga kini. Ayah Dir Sekam meninggal dunia pada hari Khamis, 18 Rabiulawal 1412 Hijrah bersamaan 26 September 1991, sewaktu berusia 72 tahun Hijrah atau 70 tahun Masihi (Ahmad Fathi, 2002).

### Latar Belakang dan Tujuan Penulisan Kitab

Penulisan sesuatu karya ilmiah oleh mana-mana tokoh biasanya didorong oleh beberapa faktor. Di mukadimah kitab, Ayah Dir menyatakan tujuan kitab ini dikarang iaitu bagi menyahut permintaan beberapa orang sahabat dan saudara beliau yang cintakan agama. Pada tahun 1404 Hijrah, mereka kerap bertanyakan soalan-soalan dan mendesaknya untuk menerangkan maksud dan tujuan ayat ﴿الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى﴾ surah Taha 20: ayat 5. Bagi menjelaskan persoalan ini Ayah Dir telah meneliti huraian-huraian para ulama Ahli Sunah Waljamaah dalam karya-karya mereka lalu diolah semula dengan huraian yang ringkas dan mudah mengikut keperluan orang awam dan mereka yang baharu memahami ilmu usuluddin. Dengan adanya kitab ini, beliau berharap agar dapat menyekat iktikad yang sesat yang telah masuk di kalangan masyarakat awam. Menurut Ayah Dir ramai masyarakat awam yang telah terkesan dan terpengaruh dengan dakyah-dakyah beberapa golongan ahli agama dalam isu nas-nas mutasyabihat dengan menyamakan Allah SWT dengan makhluk-makhlukNya. Kitab ini telah ditulis ketika beliau berumur 65 tahun dan ketika dalam keuzuran, dan selesai ditulis pada pukul 9

pagi hari Khamis 11 Jamadilawal tahun 1405 Hijrah di pondok beliau al-Maahad al-Islami, Wakaf Budi, Sekam, Patani.

### **Karangan Ulama-ulama Muktabar yang Dirujuk dan Dipetik**

Di dalam kitab Risalah Manhaj Ahli Sunnah ini, Ayah Dir banyak memetik karya-karya para ulama Ahli Sunah Waljamaah yang membahaskan dan menghuraikan nas-nas mutasyabihat, sama ada dari kitab-kitab tafsir, akidah dan lainnya termasuk kamus bahasa Arab. Terdapat kira-kira 19 buah kitab yang dinyatakan oleh pengarang dalam karangannya ini iaitu:

1. *Hasyiah Jamal* atau *al-Futuhah al-Ilahiyyah bi Taudhih Tafsir al-Jalalain li al-Daqaiq al-Khafiyah* oleh Syeikh Sulaiman bin 'Umar al-'Ajili al-Syafie yang masyhur dengan gelaran Jamal.
2. *Hasyiah al-'Allamah al-Sawi 'ala Tafsir al-Jalalain* oleh Syeikh Ahmad bin Muhammad al-Khulwati al-Sawi al-Maliki.
3. *Hasyiah al-Dusuqi 'ala Umm al-Barahin* oleh Syeikh Muhammad bin Ahmad bin 'Arafah al-Dusuqi al-Maliki.
4. *Jauharah al-Tauhid* oleh Syeikh Ibrahim bin Hasan al-Laqqani al-Maliki.
5. *Hasyiah al-Baijuri* atau *Tahqiq al-Maqam 'ala Kifayat al-'Awam fi 'Ilm al-Kalam* oleh Syeikh Ibrahim bin Muhammad al-Baijuri al-Syafie.
6. *Tafsir al-Baidhawi* atau *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil* oleh Syeikh Abdullah bin 'Umar al-Syirazi al-Syafie al-Baidhawi.
7. *Bakurah al-Amani li Irsyad 'Awam Ahl al-Fatani* oleh Syeikh Wan Ismail bin Wan Abdul Qadir (Pak Da Eil).
8. *Tafsir al-Jalalain* oleh Syeikh Jalal al-Din Muhammad bin Ahmad al-Mahalli al-Syafie dan Jalal al-Din Abd al-Rahman bin Abu Bakar al-Suyuti al-Syafie.
9. *Hasyiah al-Syarqawi 'ala Syarh al-Hudhudi 'ala al-'Aqidah al-Sanusiyyah* oleh Syeikh Abdullah bin Hijazi al-Syarqawi al-Syafie
10. *Hasyiah al-Bujairimi 'ala Syarh Manhaj al-Tullab* atau *al-Tajrid li Naf' al-'Abid* oleh Syeikh Sulaiman bin Muhammad al-Bujairimi al-Syafie.
11. *Al-Ibanah 'an Usul al-Diyanah* oleh Imam Abu Hasan 'Ali bin Ismail al-Asy'ari.

12. *Hasyiah Ibn al-Amir 'ala Ittihaf al-Murid Syarh Jauharah al-Tauhid* oleh Syeikh Muhammad bin Muhammad al-Sabawi al-Maliki.
13. *Tafsir al-Nasafi* atau *Madarik al-Tanzil wa Haqaiq al-Ta'wil* oleh Syeikh Abdullah bin Ahmad al-Nasafi al-Hanafi.
14. *Kifayat al-'Awam fi ma Yajibu 'Alaihim min 'Ilm al-Kalam* oleh Syeikh Muhammad al-Fudhali al-Syafie.
15. *Ibn Taimiyyah Laisa Salafiyyan* oleh Syeikh Dr. Mansur Muhammad 'Uwais.
16. *Asas al-Taqdis* oleh Imam Muhmmad bin 'Umar Fakhr al-Din al-Razi.
17. *Al-Barahin al-Sati 'ah fi Radd Ba 'dh al-Bida' al-Sya' i 'ah* oleh Syeikh Salamah al-Qadha' i al-'Izami al-Syafie.
18. *Al-Fawakih al-Diwani 'ala Risalah Ibn Abi Zaid al-Qairawani* oleh Ahmad bin Ghanim al-Nafrawi al-Maliki.
19. *Al-Misbah al-Munir* oleh Syeikh Ahmad bin Muhammad al-Fayumi.

### **Isi Kandungan Kitab Risalah Manhaj Ahli Sunnah**

Kitab ini yang dicetak oleh Percetakan Saudara Press Patani mengandungi 48 mukasurat yang dimulai dengan sebuah mukadimah dan diakhiri dengan sebuah peringatan. Di bahagian peringatan ini, terserlah sifat tawaduk dan merendah diri Ayah Dir apabila beliau menyatakan kekurangan-kekurangan yang mungkin didapati dari penulisan beliau ini disebabkan oleh faktor umur dan keuzuran beliau. Secara ringkas, pembahagian tajuk perbincangan kitab ini adalah seperti berikut:

1. Penjelasan tentang pembahagian ayat-ayat al-Quran kepada muhkamat dan mutasyabihat.
2. Perjalanan dan manhaj ulama berkaitan dengan ayat-ayat mutasyabihat.
3. Penyekat atau benteng orang Islam dari iktikad yang salah melalui pemahaman maksud sifat Allah "*Mukhalafatuhu Ta'ala li al-Hawadith*" (bersalahan dan menyalahi Allah Taala dengan segala yang baharu).
4. Peringatan untuk orang Islam agar tidak mengatakan Allah SWT itu bertempat dan bersifat dengan sifat-sifat makhluk yang lain.
5. Perbahasan beberapa pentafsiran ulama bagi beberapa contoh ayat mutasyabihat.
6. Penjelasan maksud "*baina*" (antara) dalam firman Allah SWT di dalam surah al-Sajdah 32: 4.

7. Perbahasan berkenaan “*mumkin mutaqabilat*” yang berta ‘*alluq*’ oleh sifat Qudrat Allah SWT.

**Gaya Bahasa Kitab Risalah Manhaj Ahli Sunnah**

Seperti karya-karya Ayah Dir yang lain, kitab Risalah Manhaj Ahli Sunnah ditulis dalam bentuk yang mudah dan bersahaja menggunakan bahasa Melayu loghat Patani. Banyak perkataan dan istilah dalam loghat Patani yang pekat digunakan sepanjang penulisan kitab ini. Hal ini berkemungkinan Ayah Dir menumpukan penulisan beliau ini untuk menjelaskan kepada audiens masyarakat tempatan agar lebih mudah difahami dan diterima, terutama mereka yang tinggal di pedalaman. Ini jelas dilihat apabila Ayah Dir sering menggunakan kata ganti “ayahanda”, “anak-anak cucu”, “saudaraku” dalam kitab ini juga dalam penulisan-penulisan beliau yang lain. Sebagaimana telah dinyatakan sebelum ini bahawa tujuan penulisan kitab ini adalah untuk menjelaskan kepada masyarakat tempatan persoalan ayat-ayat mutasyabihat yang telah dipesongkan kefahamannya oleh golongan agamawan muda tempatan.

Namun, menurut Ahmad Fathi (2002) penggunaan gaya bahasa sedemikian sangat mengganggu para pembaca yang terdidik dalam bahasa Melayu baku, di samping menyebabkan kitab-kitab Ayah Dir tidak popular di luar sempadan Patani dan Kelantan. Pada hemat penulis, pendapat ini ada benarnya, tetapi gaya penulisan sebegini menunjukkan keunikan Ayah Dir dan kehebatan ilmu beliau. Apabila mana-mana individu yang ingin mencedok ilmu dari karangan-karangan Ayah Dir, tidak dapat tidak mereka perlu mempelajarinya daripada murid-murid beliau sendiri atau sesiapa yang mengikut *tariq* (perjalanan) dan manhaj beliau yang diambil dari guru beliau Pak Da Eil. Dengan ini, kefahaman akidah Islam yang hendak disampaikan oleh beliau kekal terpelihara dan tidak lari dari maksud asal sebagaimana yang dibawa oleh ulama Ahli Sunah Waljamaah.

**Integrasi Ilmu Usul Fiqh, Usuluddin Dan Mantik Dalam Kitab Risalah Manhaj Ahli Sunnah Bagi Membahaskan Nas-Nas Mutasyabihat**

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini bahawa ilmu usuluddin sangat berkait rapat dengan ilmu mantik dan usul fiqh. Oleh itu, karya-karya ulama dalam bidang akidah turut menggunakan pendekatan dan manhaj yang sama atau yang hampir sama dalam perbincangan dan perbahasan tentang ketuhanan (*ilahiyyat*), kerasulan (*nubuwwat*) dan perkara-perkara ghaib (*sam‘iyyat*). Dalam menerangkan sifat-sifat Allah SWT dan para rasul alaihimussolatu wassalam, para pengarang karya usuluddin akan menjelaskan terlebih dahulu kefahaman dan konsep akal yang waras dan kaedah berfikir yang

sempurna. Asas-asas mantik berkenaan dengan hukum akal, dalil dan *dalalat mantiqiyah*, *qadhaya*, *muqaddimah suhbra* dan *kubra* dan seumpamanya dibahaskan terlebih dahulu. Selain itu, kefahaman tentang maksud *jirim*, *jauhar*, *jisim*, *jauhar fard*, *zat* dan *‘aradh/sifat*, gerak dan diam, *qadim/azali* dan baharu, *makrifah* dan ilmu dan lain-lain asas penting dihuraikan secara terperinci. Ini bertujuan untuk memberi asas berfikir yang kukuh kepada para penuntut ilmu dan pembaca agar mudah memahami perbahasan-perbahasan berkaitan sifat-sifat Allah dan makhluk yang akan dibincangkan.

Dalam kitab Risalah Manhaj Ahli Sunnah, Ayah Dir telah menggunakan kaedah-kaedah tersebut yang menjadi asas utama perbahasan nas mutasyabihat. Selain itu, Ayah Dir menumpukan perbahasan tentang kefahaman dalil akal dengan memahami hukum akal dan hakikat jirim dan *‘aradh* bagi menghindarkan pemikiran yang menyamakan Allah SWT dengan makhluk. Permasalahan memahami ayat mutasyabihat berkaitan ketuhanan bertitik tolak daripada kefahaman tentang sifat *Mukhalafatuhu Ta‘ala li al-Hawadith* sama ada pada zat, sifat atau perbuatan. Kefahaman serta konsep yang benar perlu dibina atas kefahaman yang sahih daripada ayat muhkamat iaitu firman Allah SWT: ﴿لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ﴾ (Al-Quran, al-Syura 42: 11) dan kefahaman yang sahih tentang akal dan konsep makhluk yang berjirim dan mempunyai *‘aradh*.

Dalam menerangkan makna-makna sebenar yang patut difahami dan diiktikadkan oleh seseorang mukalaf apabila berjumpa dengan ayat-ayat mutasyabihat, Ayah Dir mendatangkan huraian para ulama Ahli Sunah Waljamaah terhadap beberapa ayat yang penting. Berikut ialah ayat-ayat yang beliau muatkan di dalam kitab ini:

1. ﴿الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى﴾ Surah Taha 20: 5.
2. ﴿وَهُوَ مَعَكُمْ أَيْنَ مَا كُنْتُمْ﴾ Surah al-Hadid 57: 4.
3. ﴿فَلِإِي قَرِيبٌ﴾ Surah al-Baqarah 2: 186.
4. ﴿وَنَحْنُ أَقْرَبُ إِلَيْهِ﴾ Surah al-Waqi‘ah 56: 85 dan Surah Qaf 50: 16.
5. ﴿أَلَا إِنَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ مُّحِيطٌ﴾ Surah Fussilat 41: 54.
6. ﴿وَيَحْمِلُ عَرْشَ رَبِّكَ فَوْقَهُمْ يَوْمَئِذٍ ثَمَانِيَةَ﴾ Surah al-Haqqah 69: 17.
7. ﴿إِلَيْهِ يَصْعَدُ الْكَلِمُ الطَّيِّبُ وَالْعَمَلُ الصَّالِحُ يَرْفَعُهُ﴾ Surah Fatir 35: 10.

8. ﴿أَمِنْتُمْ مَنْ فِي السَّمَاءِ أَنْ يَخْسِفَ بِكُمْ الْأَرْضَ﴾  
Surah al-Mulk 67: 16.
9. ﴿يَخَافُونَ رَبَّهُمْ مِنْ فَوْقِهِمْ﴾ Surah al-Nahl 16: 50.
10. ﴿وَجَاءَ رَبُّكَ وَالْمَلَكُ صَفًّا صَفًّا﴾ Surah al-Fajr 89: 22.
11. ﴿ثُمَّ دَنَا فَتَدَلَّى، فَكَانَ قَابَ قَوْسَيْنِ أَوْ أَدْنَى﴾ Surah al-Najm 53: 8-9.
12. ﴿وَمَا قَتَلُوهُ يَقِينًا، بَلْ رَفَعَهُ اللَّهُ إِلَيْهِ﴾ Surah al-Nisa' 4: 157-158.
13. ﴿وَلَوْ تَرَى إِذْ وُفِّقُوا عَلَىٰ رَبِّهِمْ﴾ Surah al-An'am 6: 30.
14. ﴿وَلَوْ تَرَى إِذِ الْمُجْرِمُونَ نَاكِسُوا رُءُوسِهِمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ﴾ Surah al-Sajdah 32: 12.
15. ﴿وَعَرَّضُوا عَلَىٰ رَبِّكَ صَفًّا﴾ Surah al-Kahf 18: 48.
16. ﴿وَقَالَ اللَّهُ إِنِّي مَعَكُمْ لَئِنْ أَقَمْتُمُ الصَّلَاةَ وَآتَيْتُمُ الزَّكَاةَ﴾ Surah al-Maidah 5: 12.
17. ﴿فَأَذْهَبَ أَمَّتَ وَرَبُّكَ فَفَتِيلًا إِنَّا هَاهُنَا قَاعِدُونَ﴾ Surah al-Maidah 5: 24.
18. ﴿وَهُوَ الَّذِي فِي السَّمَاءِ إِلَهٌ وَفِي الْأَرْضِ إِلَهٌ﴾ Surah al-Zukhruf 43: 84.
19. ﴿كُلُّ شَيْءٍ هَالِكٌ إِلَّا وَجْهَهُ﴾ Surah al-Ankabut 29: 88.
20. ﴿وَأَصْنَعُ الْفُلْكَ بِأَعْيُنِنَا وَوَحْيِنَا﴾ Surah Hud 11: 37.
21. ﴿وَأَصْبِرْ لِحُكْمِ رَبِّكَ فَإِنَّكَ بِأَعْيُنِنَا﴾ Surah al-Tur 52: 48.
22. ﴿بَلْ يَدَاهُ مَبْسُوطَتَانِ يُنفِقُ كَيْفَ يَشَاءُ﴾ Surah al-Maidah 5: 64.
23. ﴿مَا مَنَعَكَ أَنْ تَسْجُدَ لِمَا خَلَقْتَ بِيَدَيَّ﴾ Surah Sad 38: 75.
24. ﴿اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمُوتِ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ اسْتَوَىٰ عَلَى الْعَرْشِ﴾ Surah al-Sajdah 32: 4.

Di sini penulis kemukakan beberapa contoh aplikasi elemen-elemen dalam ilmu usul fiqh, mantik dan usuluddin yang telah dibincangkan oleh Ayah Dir di dalam kitabnya ini, antaranya:

1. **Takwil** berdasarkan petunjuk (*al-qarinah*) dari ayat yang lain. Menurut al-Jurjani (2012) takwil ialah memalingkan atau mengalihkan lafaz dari maknanya yang zahir (tersurat) kepada makna lain yang tersirat, apabila makna tersirat yang dilihat itu sesuai dengan ketentuan al-Quran dan sunah. Dalam membahaskan ayat ﴿وَهُوَ مَعَكُمْ﴾ (Al-Quran, al-Hadid 57: 4) (halaman 20-21), Ayah Dir menjelaskan, "...maka keadaan zatNya Taala berserta dengan kamu pada bertempat itu mustahil, kerana Allah itu bukan bangsa benda yang bertempat. Kalau begitu, nak lari daripada perkara itu tetaplah ditakwilkan "berserta" itu dengan meliputi pihak ilmu dan sama' dan basar dan qudrat dan iradat. Kalau begitu ayat ﴿الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى﴾ ditakwilkan dipalingkan daripada zahir maknanya iaitu duduk atasnya, sebab nak lari dan takut difaham kata Allah itu jirim jisim yang bertempat seperti takwil ayat ﴿مَعَكُمْ﴾ itu juga".
2. **Penggunaan hukum akal.** Dalam membahaskan ayat ﴿وَيَحْمِلُ عَرْشَ رَبِّكَ فَوْقَهُمْ﴾ (Al-Quran, al-Haqqah 69: 17) (halaman 21), Ayah Dir menjelaskan, "Di sini kalaulah Arasy itu tempat bagi Allah Taala, nescaya adalah malaikat yang menanggung akan Arasy itu ialah menanggung akan Allah Taala gatik (juga), dan yang demikian tidak membenar oleh empunya akal kerana Allahlah yang menjaga Ia akan makhlukNya dan meliharanya, dan makhluk bukan benda yang menjaga dan kawal dan melihara akan Allah Taala, sama telah sampai kepada pikulNya".
3. **"Hafz al-mudhaf" dan majaz dalam disiplin ilmu bahasa Arab.** "Hafz al-mudhaf" sering berlaku dalam ilmu nahu Arab iaitu dengan dibuangkan *mudhaf* dan dikekalkan *mudhaf ilaih*

dalam sesuatu binaan ayat. Manakala majaz yang dibahaskan di dalam ilmu Bayan (satu cabang kajian dari ilmu Balaghah) bermaksud suatu lafaz yang dipakai bukan untuk makna hakikinya (Al-Jurjani, 2012). Dalam membahaskan ayat ﴿وَلَوْ تَرَىٰ إِذْ وَقَعُوا عَلَىٰ رَبِّهِمْ﴾ (Al-Quran, al-An'am 6: 30) (halaman 24-25), Ayah Dir menjelaskan perkataan dalam kitab Hasyiah Jamal, "Padanya dua jalan. Satunya bahawasanya daripada bab *hazaf mudhaf*, takdirnya: atas periksa bagi Tuhan mereka itu, atau milik bagi Tuhan mereka itu, atau balas bagi Tuhan mereka itu. Dan yang keduanya, bahawasanya daripada bab majaz, kerana bahawasanya siring-siring (kiasan) daripada tahan dan tegah kerana mengeji. Maka dengan ayat itu janganlah kita pegang kata Tuhan duk tercongok atau tercokoh dan makhluk masuk berhimpun sebelah hadapanNya, maka jangan-jangan!! Kerana Tuhan bukan jirim, maka di manakah ada *jihad* dan tempat bagiNya kerana bertempat bagi yang bukan jirim dan bukan 'aradh itu mustahil".

4. **Perpindahan makna dari *malzum* kepada *lazim*.** Di sini melibatkan perbahasan di dalam ilmu Bayan berkenaan tajuk majaz mursal. Majaz mursal ialah penggunaan kata yang bukan untuk makna sebenar kerana adanya hubungan ('*alaqah*) antara makna hakiki dan makna majazi yang tidak serupa dan disertai dengan *qarinah* yang tidak membolehkan untuk memahami kata tersebut dengan makna aslinya. Antara '*alaqah* yang terdapat dalam majaz mursal ialah '*alaqah aaliyah* iaitu disebutkan alat sedangkan yang dimaksudkan ialah sesuatu yang dihasilkan oleh alat tersebut (Qasim & Dib, 2003). Dalam membahaskan ayat ﴿وَأَصْنَعُ الْفُلْكَ بِأَعْيُنِنَا وَوَحْيِنَا﴾ (Al-Quran, Hud 11: 37) (halaman 32-33), Ayah Dir menjelaskan perkataan dalam Hasyiah al-Sawi, "Menolak ia tuan Jalalain dengan demikian itu akan barang yang dikatakan sesungguhnya zahirnya mustahil, kerana tertegah dan ketiadaan mata-mata dengan makna anggota yang maklum itu atas Allah. Maka jawabkan dengan bahawasanya meitlak ia akan *malzum*

dan kehendak ia akan *lazim*, kerana bahawasanya *lazim* daripada keadaan suatu itu di tepi mata-mata, bahawasanya *lazim* daripada keadaan suatu itu tepi mata-mata bahawasanya Ia yang melampau-lampau pada melihara dan jagaNya. Maka dengan itu janganlah kita pegang kata Tuhan ada mata dengan makna anggota yang maklum itu. Kalau pegang begitu tetaplah berpegang dengan mazhab salah juga".

## Penutup

Ilmu usuluddin merupakan ilmu yang paling penting dalam tingkatan ilmu fardu ain yang wajib dipelajari serta difahami oleh setiap mukalaf. Bagi membahaskan ilmu ini para ulama silam telah mengarang karya-karya akidah sama ada berbentuk matan, syarah mahupun hasyiah. Karya-karya popular berbahasa Arab seperti *Umm al-Barahin* dan *Jauharah al-Tauhid* telah mendapat tempat di Alam Melayu, khasnya apabila karya-karya ini diterjemahkan serta dihuraikan oleh para ulama tempatan dalam kitab-kitab Jawi mereka.

Antara tajuk yang menjadi perbahasan penting ialah kefahaman dan konsep sebenar bagi nas-nas mutasyabihat yang terdapat dalam al-Quran dan hadis. Banyak karangan ulama telah dihasilkan bagi menjelaskan kepada masyarakat tempatan tentang isu ini agar mereka tidak terpengaruh dengan fahaman-fahaman yang bertentangan dengan Ahli Sunah Waljamaah yang membawa kepada akidah *tasybih* dan *tajsim*.

Dalam memahami nas-nas al-Quran dan hadis seseorang itu perlu menguasai ilmu bahasa Arab yang meliputi ilmu tatabahasa (*nahu*), ilmu morfologi (*sarf*) dan ilmu sastera Arab (*balaghah*) serta menguasai ilmu qira'at, ilmu usuluddin, ilmu usul fiqh, ilmu nasakh dan mansukh dan ilmu hadis. Teks-teks mutasyabihat tersebut tidak selalu dapat difahami menurut makna literalnya. Ini kerana fitrah perkataan-perkataan bahasa Arab dan tatabahasa Arab itu sendiri memerlukan penelitian yang mendalam untuk memahami maksud dan konteks penggunaannya dalam satu-satu binaan ayat.

Dalam memahami nas-nas mutasyabihat ini, didapati bahawa integrasi antara ilmu usuluddin, usul fiqh dan mantik adalah amat rapat. Ketiga-tiganya saling kait-mengait apabila perbahasan-perbahasan yang menjadi topik utama perbincangan setiap bidang tersebut adalah berkisar sekitar kaedah memahami lafaz-lafaz perkataan untuk memutuskan maksud sebenar yang ingin disampaikan. Takwil merupakan salah satu metode yang diaplikasikan untuk menjelaskan makna suatu lafaz atau bahasa, jika difahami secara literal akan menimbulkan pengertian yang sukar diterima oleh akal.

Dalam perbincangan ilmu usul fiqh, usuluddin dan mantik, takwil memainkan peranan yang sangat penting agar sesuatu perkataan itu difahami dengan makna yang lebih sesuai dan layak. Ulama usul fiqh contohnya telah menemukan beberapa bentuk takwil, di antaranya mengkhususkan lafaz yang umum (*takhsis al-umum*), membataskan lafaz yang mutlak (*taqyid al-mutlaq*), mengalihkan lafaz dari maknanya yang hakiki kepada yang *majazi*, atau dari maknanya yang mengandungi perintah wajib menjadi makna yang sunat (Al-Zuhaily, 1998). Selain dari pemahaman nas-nas mutasyabihat melalui pemahaman kontekstual, permasalahan tentang hukum-hukum dan pendalilan menggunakan akal adalah amat penting agar tidak tersasar dalam menafsirkan ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis Nabi SAW.

Kitab Risalah Manhaj Ahli Sunnah karya Tuan Guru Haji Abdul Qadir ini merupakan sebuah kitab yang menjelaskan tentang bagaimana untuk memahami ayat-ayat mutasyabihat mengikut perjalanan dan manhaj para ulama Ahli Sunah Waljamaah. Karya ini merupakan salah satu teks akidah Islam yang sangat sesuai untuk diambil isi-isi pentingnya dan panduan-panduan ringkas yang terdapat di dalamnya sebagai rujukan dan sandaran masyarakat Islam di Nusantara, khususnya Malaysia. Walaupun agak ringkas tetapi kitab ini mampu menjelaskan dengan baik asas-asas yang meliputi beberapa pengetahuan yang perlu dimiliki oleh seseorang Muslim agar tidak salah dalam beriktikad. Aplikasi asas-asas penting dalam ilmu mantik dan usul fiqh jelas ditunjukkan oleh pengarang seperti yang dilakukan oleh karya-karya akidah yang lain. Bentuk penulisan kitab seperti ini adalah sangat penting mutakhir ini bagi membendung ancaman-ancaman akidah yang melanda umat Islam di Malaysia pada masa kini.

Namun, usaha-usaha untuk mengadaptasi bahasa pengarang yang digunakan dalam karya ini kepada bahasa Melayu standard adalah amat perlu bagi menyesuaikan kitab ini dengan kehendak audiens di Nusantara khususnya, justeru dapat disebarluaskan sebagai teks bacaan dan rujukan utama dalam persoalan akidah di rantau ini.

## Rujukan

- ‘Ali Jum‘ah Muhammad. (2007). *Al-madkhal ila dirasat al-mazahib al-fiqhiyyah*. Cet. 2. Kaherah: Dar al-Salam.
- ‘Ali Jum‘ah Muhammad. (2015). *Al-tariq ila al-turath al-islami*. Jizah: Dar Nahdhah Misr.
- Abdul Aziz bin Ismail al-Fatani. (1994). *Risalah al-misbah al-munir fi ma‘rifah Allah al-qadir* (Cet. 3). Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Abdul Qadir bin Wangah. (t.th.). *Risalah manhaj ahl al-sunnah*. Patani: Percetakan Saudara Press.
- Abdul Rahman. (2017, 7 September). Pengajian Kitab Faridah al-Faraid Fi ‘Ilm al-‘Aqid, Kubang Batang, Tumpat, Kelantan.
- Ahmad Fathi al-Fatani. (2002). *Ulama besar dari patani*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Fathi al-Fatani. (2012). *Sheikh abd al-qadir hj. wangah (ayah dir sekam) tokoh ulama usuluddin dari fathoni*. <https://ibadurrahman99.wordpress.com/2012/01/25/sheikh-abd-al-qadir-hj-wangah-ayah-dir-sekam-tokoh-ulama-usuluddin-dari-fathoni/> [10 September 2018].
- Ahmad Fathi al-Fatani. (t.th.). *Majalah Pengasuh*. Bil. 619. Kelantan: Pustaka Aman Press.
- Ahmad Fauwaz Fadzil Noor. (t.th.). *Mengembalikan peranan ilmu usul fiqh*. Dimuat turun daripada <http://www.addeen.my/index.php/rohani/hukum/item/936-mengembalikan-peranan-ilmu-usul-fiqh>.
- Al-Baghdadi, Abd al-Qahir bin Tahir. (1982). *Al-farq baina al-firaq*. Beirut: Dar al-Afaq al-Jadidah.
- Al-Baijuri, Ibrahim bin Muhammad. (2008). *Tuhfah al-murid ‘ala jauharah al-tawhid* (Cet. 4). Tahkik: ‘Ali Jum‘ah Muhammad. Kaherah: Dar al-Salam.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. (1998). *Sahih al-bukhari*. Kaherah: Lajnah Ihya’ Kutub al-Sunnah.
- Al-Damanhuri, Ahmad (2006). *Risalah fi al-mantiq: idhah al-mubham fi ma‘ani al-sullam* (Cet. 2). Tahkik: ‘Umar Faruq al-Tabba’. Beirut: Maktabah al-Ma‘arif.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. (1997). *Al-mustasfa min ‘ilm al-usul*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- Al-Jurjani, Ali bin Muhammad. (2012). *Mu‘jam al-ta‘rifat* (Cet. 2). Tahkik: Muhammad Siddiq al-Minsyawi. Kaherah: Dar al-Fadhilah.
- Al-Khin, Mustafa Said & Misto, Muhyiddin Dib. (t.th.). *Al-‘aqidah al-islamiyyah: arkanuha, haqiqatuha, mufsidatuha*. Damsyik: Dar al-Kalim al-Tayyib.
- Al-Rawi, Ahmad Mukhlis. (2013). *Al-wasith fi ‘aqaid al-imam al-‘asyari*. Jordan: Dar al-Nur.
- Al-Zuhaily, Wahbah. (1991). *Al-tafsir al-munir fi al-‘aqidah wa al-syari‘ah wa al-manhaj*. Jil. 3. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu‘asir.
- Al-Zuhaily, Wahbah. (1998). *Usul al-fiqh al-islamiyy* (Cet. 2). Jil. 1. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu‘asir.
- Engku Ku Hassan Engku Wok Zin & Mohd Fauzi Hamat. (2009). Pengaruh umm al-barahin karangan al-sanusi dalam penulisan karya akidah di alam melayu. *Jurnal Usuluddin*, 30, 1-31.
- Faudah, Said. (2017). *Hasyiah ‘ala tahzib syarh al-kharidah al-bahiyah li al-imam ahmad al-dardir*. Jordan: Al-Aslein.

- Hasliza Hassan. (2018). Ilmu tauhid, fizik perkukuh iman. *Berita Harian*, 12 Mac: 68.
- Ibn ‘Abd al-Salam, ‘Izzuddin. (2014). *Qawaid al-ahkam fi masalih al-anam* Cet. 3. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ismail bin Umar. (t.th.). *Mawaqif al-marjan bi syarh mawa‘iz al-iman fi tarjamat badh manahil al-‘irfan*. Narathiwat: Darul Muhajirin.
- Jawhari, Muhammad Rabi‘. (2013). *Ta‘wil al-salaf li sifat Allah subhanahu wa taala*. Al-‘Ajuzah: Maktabah al-Iman.
- Masakaree Ardae. (2008). Pengaruh dan kesan penulisan al-imam al-sanusi terhadap ilmu tauhid di selatan thailand. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Fauzi bin Hamat. (2000). Penghasilan karya sintesis antara mantik dan usul al-fiqh: rujukan kepada kitab al-mustasfa min ‘ilm al-usul karangan al-imam al-ghazzali (M.505H./1111M.). *Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam (Afkar)*, (1), 123-138.
- Muhammad Idrus Ramli. (t.th.). *Akidah ahlussunnah wal-jamaah penjelasan sifat 50*. Jambi: Al-Hujjah Press.
- Muhammad Rashidi Wahab & Syed Hadzrullathfi Syed Omar. (2012). Takwilan nas-nas sifat mutashabihat dalam kalangan salaf. *Global Journal al-Thaqafah (GJAT)* 2(2), 77-85.
- Qasim, Muhammad Ahmad & Dib, Muhyiddin. (2003). *‘Ulum al-balaghah (al-badi‘ wa al-bayan wa al-ma‘ani)*. Tarablus: Al-Muassasah al-Hadithah li al-Kitab.
- Rijalmuhibbin. (2010). *Tok Ayah Dir Sekam*. <http://rijalmuhibbin.blogspot.my/2010/08/tok-ayah-der-sekam.html> [11 September 2017].
- Sano, Qoutoub Moustapha. (1997). Al-mutakallimun wa usul al-fiqh: qira‘ah fi jadaliyyah al-‘alaqah baina ‘ilmay al-usul wa al-kalam. *Islamiyyah al-Ma‘rifah*, (9), 38-70.
- Syed Salim Syed Shamsuddin. (2018). Pemantapan pelajar aliran syariah di institusi pengajian tinggi melalui pengajian kitab turath jawi: tinjauan terhadap pelaksanaan pengajian talaqqi di universiti sains islam malaysia. *Sains Insani*, 3(1), 27-37.
- Wan Mohd Saghir Abdullah. (2009a, 22 Jun). Ilmu akidah bersumber karya ulama silam melayu. *Utusan*. Dimuat turun daripada [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0622&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Bicara\\_Agama&pg=ba\\_02.htm#ixzz3J6Zu946e](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0622&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_02.htm#ixzz3J6Zu946e)
- Wan Mohd Saghir Abdullah. (2009b, 29 Jun). Ilmu akidah islamiah karya ulama silam melayu. *Utusan*. Dimuat turun daripada [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0629&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Bicara\\_Agama&pg=ba\\_01.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0629&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm)